



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(11)

Tarikh: 14 November 2019

## KENYATAAN MEDIA

### Perbadanan Bukit Bendera Menerima Sijil ISO 9001 dan ISO 45001

Perbadanan Bukit Bendera (PBBPP) berbesar hati mengumumkan bahawa PBBPP telah menerima penganugerahan pensijilan ISO 9001: 2015 bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan pensijilan ISO 45001: 2018 untuk Sistem Pengurusan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (OHSMS) pada 20 September 2019.

**ISO 9001** adalah piawaian antarabangsa yang ditubuhkan di bawah Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) dengan menetapkan keperluan sistem pengurusan kualiti.

Organisasi yang memperoleh persijilan ini perlu menunjukkan keupayaan secara konsisten dalam penyediaan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan. Standard piawaian ini juga membantu meningkatkan kepuasan pelanggan menerusi sistem aplikasi dan peningkatan yang efektif.

Dalam pada itu, **ISO 45001** pula adalah Standard Antarabangsa yang menggabungkan bidang pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan.

Piawaian ini menetapkan keperluan sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan (OHS) serta menyediakan panduan yang lebih sistematik bagi membantu organisasi meningkatkan pelaksanaan OHS dalam mengurangkan risiko di tempat kerja serta mewujudkan persekitaran lebih selamat dan sihat.

Pensijilan ISO 9001: 2015 dan ISO 45001: 2018 PBBPP diiktiraf oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH). Skop ini memberi tumpuan kepada perkhidmatan funikular yang diberikan kepada pengunjung domestik dan antarabangsa.

Pengurus Besar PBBPP Dato' Cheok Lay Leng berkata, penerimaan kedua-dua pensijilan piawaian antarabangsa itu adalah sebagai satu pengiktirafan usaha gigih PBBPP dalam memberi perkhidmatan yang baik dan berkualiti tinggi serta komitmennya terhadap piawaian keselamatan kepada semua pengunjung serta pengguna perkhidmatan funikular termasuk kakitangannya.

"Kami begitu berbesar hati kerana usaha gigih untuk mempertingkatkan lagi proses operasi dan keselamatan di tempat kerja telahpun diberi pengiktirafan menerusi pensijilan ISO 9001: 2015 dan ISO 45001: 2018.

"Pensijilan ini adalah usaha dan komitmen yang berterusan oleh PBBPP mengenai peningkatan kecekapan dan kualiti serta standard keselamatan kerja yang paling



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

---

efektif. Ini adalah proses berterusan yang memerlukan komitmen dan kepakaran daripada seluruh kakitangan PBBPP. "

PBBPP juga ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli Lembaga Pengarah, Penasihat, Perunding, Juruaudit dan kakitangan atas segala usaha gigih dalam memperoleh pensijilan ISO ini.

PBBPP akan meneruskan usaha dalam proses penambahbaikan dan prosedur yang boleh mendatangkan impak positif kepada Bukit Bendera, menjadikan Bukit Bendera sebagai bukit peranginan pilihan di Malaysia dan rantau ini.

#TAMAT#

---

## About Penang Hill Corporation

Penang Hill Corporation was established in 2009 through an enactment passed by the Penang State Legislative Assembly. Its main focus is to manage the funicular system, maintain and develop Penang Hill as a major ecotourism destination, and its vision is to make Penang Hill the hill resort of choice in Malaysia and the region.

## Corporate Communications Unit

Chris Koay  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[shkoay@penanghill.gov.my](mailto:shkoay@penanghill.gov.my)

Lee Shew Yean  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[sylee@penanghill.gov.my](mailto:sylee@penanghill.gov.my)

Izatul Aziah Ismail  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[izatul@penanghill.gov.my](mailto:izatul@penanghill.gov.my)